



2023

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengan UiTM Mukah?



<https://sarawak.uitm.edu.my/index.php/uitm-mukah-bulletin>

HIGHLIGHTS:

Iftar Perdana Bersama TYT Sempena
Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak
Terima Kasih Mantan Penolong Rektor dan
Selamat Datang Penolong Rektor Baharu
Sukan Muhibah Staf 2023 UiTM Cawangan Sarawak
Rekod Kayuhan Sempena Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak

TABLE OF CONTENT

From Rector's Desk	01
From Assistant Rector's Desk	02
Editors' Note	03
Editorial Board	04
Highlights	05
News and Articles	09
Creative Writing	64
Congratulations!	66
Press and Media Coverage	81

EDITORIAL BOARD

Professor Dato Dr. Hj. Jamil Hj. Jamali

Advisor

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Managing Editor

En Mohamad Musa Bin Bohari

Chief Editor

En Yahutazi Bin Chik

Deputy Chief Editor

Editors :

Cik Siti Faridah Binti Kamaruddin

Pn Suffina Binti Long

Pn Nur Nadia Qausar Binti Juhari

Cik Stefanie Natasha Rich Joseph

En Shileyusken Mijen

Webmaster

Pn Irene Binti Seluroh

Layout & Design

En Mohamd Shafik Bin Mohd Samsi

Corporate and Communication Unit

Published By

Corporate and Communication Unit, UiTM Mukah

eISSN : 2976-257X

Published Date : 16 November 2023

NEWS AND ARTICLES

Kursus Bantuan Awal Kecemasan

Oleh: Nurul Aliah Azmatun Abu dan Juriah Japar

MUKAH: Pada 22 sehingga 23 Oktober 2022, Jawatankuasa Perwakilan Kolej Seri Tanjung UiTM Mukah dengan kerjasama Unit Kesihatan UiTM Mukah, dan Unit Kaunseling dan Kerjaya UiTM Mukah telah menganjurkan Kursus Bantuan Awal Kecemasan di Bilik Seminar, Takan Pesayah, UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah. Kumpulan sasar untuk mengikuti kursus ini adalah golongan para pelajar Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Seri Tanjung dan Seri Kuala serta Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Sekretariat Majlis Perwakilan Pelajar (SMPP), UiTM Kampus Mukah. Kursus ini telah diketuai oleh saudari Mashitah Binti Muhamad Nizam, dan dibantu oleh saudari Nurain Sofea Binti Abd Malek.

Antara objektif kursus yang dianjurkan ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada barisan pemimpin pelajar dari kalangan MPP, SMPP, dan JPK mengenai kepentingan bantuan awal jika berlaku kecemasan di kolej kediaman. Selain itu, kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan menerapkan kepentingan *First Aider* di kalangan barisan pemimpin pelajar di mana kursus ini mampu menambah ilmu pengetahuan berkaitan dengan bantuan awal kecemasan dari segi fizikal ataupun emosi. Kursus Bantuan Awal Kecemasan ini merupakan wadah untuk mendapat kemahiran asas kecemasan yang boleh diaplikasikan di dalam kehidupan seharian di kolej kediaman.



Sepanjang kursus ini berlangsung, terdapat pelbagai aktiviti yang telah dijalankan seperti Ceramah Penggunaan Peti Pertolongan Cemas dan Demonstrasi atau Latihan Dalam Kumpulan dari Unit Kesihatan yang telah diberikan oleh Puan Nurul Ain Binti Sulaiman dan Puan Asina Binti Sali. Ceramah dan demonstrasi daripada pegawai Kesihatan Bahagian Mukah iaitu Encik Abdul Arpia Bin Abd Rahman, dan Encik Jamaludin Bin Mahmud yang berkongsi ilmu tentang pertolongan cemas iaitu *Cardiopulmonary Resuscitation* (CPR) dan *Heimlich Maneuver*. Hari kedua merupakan sesi berkongsi mengenai peranan pemimpin pelajar dalam isu kesihatan mental dan kemahiran asas menolong oleh Encik Faizul Bin Adenan yang merupakan Pegawai Psikologi Kanan.

Akhir kata, Jawatankuasa Perwakilan Kolej Seri Tanjung UiTM Mukah berharap agar kursus ini dapat memberi menjadi nilai tambah ilmu baharu kepada semua pelajar yang terlibat, dan program seperti ini dapat dilaksanakan lagi pada masa yang akan datang.

